

BAB 4

PENGANALISAAN DATA DAN KEPUTUSAN KAJIAN.

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan semua dapatan yang merangkumi latar belakang diri dan keluarga responden, komunikasi ibu bapa dan pengujian lima hipotesis yang telah dihasilkan.

Penganalisaan Data

4.2 Latar belakang diri dan keluarga responden

Jadual 3
Taburan Darjah Responden

Tahun	Jumlah (n = 201)	Peratus (%)
Tahun Enam	100	49.8
Tahun Lima	101	50.2
Jumlah	201	100

Jumlah keseluruhan responden, ialah 201 orang. Seramai 100 orang (49.8%) adalah di dalam Tahun Enam, dan 101 orang (50.2%) Tahun Lima (Lihat Jadual 3).

Jadual 4.
Taburan Jantina Responden

Jantina	Jumlah (n = 201)	Peratus (%)
Lelaki	102	50.7
Perempuan	99	49.3
Jumlah	201	100

Merujuk kepada Jadual 4, daripada 201 orang jumlah keseluruhan responden, seramai 102 orang (50.7%) adalah responden lelaki dan 99 orang (49.3%) adalah pelajar perempuan.

Jadual 5
Taburan Umur Responden

Umur	Jumlah (n = 201)	Peratus (%)
10 - 11 Tahun	101	50.2
12 - 13 Tahun	100	49.8
Jumlah	201	100

Bagi kategori umur responden, seramai 101 orang (50.2%) adalah berumur 10 - 11 tahun dan 100 orang (49.8%) berumur 12 - 13 tahun.

Jadual 6
Taburan Struktur Keluarga Responden

Kategori	Jumlah (n = 201)	Peratus (%)
Ibu bapa masih bersama.	138	68.7
Ibu bapa bercerai.	28	13.9
Ibu atau bapa meninggal dunia.	35	17.4
Jumlah	201	100

Maklumat berkaitan dengan keluarga responden turut dikaji. Seramai 138 orang (68.7%) adalah dari ibu bapa masih bersama, 28 orang (13.9%) keluarga bercerai dan 35 orang (17.4%) ibu atau bapa telah meninggal dunia. (Lihat Jadual 6)

Jadual 7
Taburan Gaji Ibu Bapa Responden.

Gaji	Jumlah (n = 198)	Peratus (%)
RM 1001.00 ke atas.	33	16.7
RM 501.00 - RM 1000.00	81	40.9
RM 500.00 ke bawah.	84	42.4
Jumlah	198	100

Merujuk kepada Jadual 7, iaitu taburan gaji ibu bapa responden daripada 198 orang ¹⁾ responden, 33 orang (16.7%) ibu bapa responden memperolehi gaji RM 1001.00 ke atas. 81 orang (40.9%) ibu bapa responden mempunyai berpendapatan bulanan RM 501.00 hingga ke RM 1000.00 dan seramai 84 orang (42.4%) ibu bapa responden bergaji RM 500.00 ke bawah.

1) 3 orang responden tidak memberi maklumat tentang gaji ibu bapa mereka.

4.3 Konsep kendiri responden

Jadual 8.

Taburan Purata Konsep Kendiri Rresponden.

Konsep Kendiri	Jumlah (n = 177)	Peratus (%)
Tinggi (min > 165)	61	34.5
Rendah (min < 164)	116	65.5
Jumlah	177	100

Merujuk kepada Jadual 8, didapati daripada 201 orang responden, 61 orang (34.5%) responden mempunyai konsep kendiri yang tinggi dan 116 orang (65.5%) responden mempunyai konsep kendiri yang rendah. ²⁾

2) 24 orang responden tidak memberi maklumat tentang konsep kendiri mereka.

4.4 Komunikasi ibu bapa dan anak

Jadual 9

Kualiti Komunikasi Ibu Bapa dan Anak

Kualiti komunikasi	Jumlah (n = 170)	Peratus (%)
Tinggi (min > 121)	158	92.9
Rendah (min < 120)	12	7.1
Jumlah	170	100

Berdasarkan Jadual 9, daripada 201 orang responden, seramai 158 orang responden (92.9%) mempunyai kualiti komunikasi ibu bapa - anak di atas min. 3) 12 orang responden (7.1%) mempunyai kualiti komunikasi ibu bapa - anak di bawah min dan dikategorikan sebagai rendah.

3) 31 orang responden tidak memberi maklumat tentang kualiti komunikasi ibu bapa dan anak.

4.5 Pengujian Hipotesis

Hipotesis 1

Terdapat perkaitan secara langsung di antara status sosio-ekonomi keluarga dengan konsep kendiri di kalangan pelajar di sekolah-sekolah kebangsaan Batang Berjuntai.

Keputusan analisis regresi untuk tujuan menguji hipotesis 1 adalah seperti berikut:

$$\text{Kendiri} = 165.72 + 1.38 \text{ Pendapatan}$$
$$(1.109)$$

$$r = 0.0071$$

Hasil kajian mendapati, tiada terdapat perkaitan secara langsung antara status sosio-ekonomi keluarga dengan konsep kendiri responden. Dari analisis regresi di atas, keputusan ujian menunjukkan nilai t adalah 1.109 dan didapati tiada signifikan. Ini bermakna tiada perhubungan yang signifikan di antara status sosio-ekonomi dengan konsep kendiri pelajar. Ini juga bermakna Hipotesis 1 ditolak.

Hipotesis 2

Terdapat perkaitan langsung di antara keruntuhan keluarga dengan konsep kendiri di kalangan pelajar.

Tujuan sebenar pengujian hipotesis ini, adalah untuk melihat sama ada terdapat perkaitan secara langsung di antara ibu bapa bercerai, masih bersama dan ibu atau bapa yang meninggal dunia dengan konsep kendiri.

Keputusan analisis regresi untuk tujuan menguji hipotesis 2 adalah seperti berikut:

$$\text{Kendiri} = 169.23 + 0.77 \text{ Taraf Perkahwinan}$$
$$(0.646)$$

$$r = 0.0024$$

Hasil kajian mendapati tiada perkaitan secara langsung di antara ibu bapa bercerai, masih bersama dan ibu atau bapa yang meninggal dunia dengan konsep kendiri responden. Dari analisis regresi di atas, keputusan ujian menunjukkan nilai $t = 0.646$ dan didapati tiada signifikan. Ini bermakna tiada perhubungan yang signifikan di antara keruntuhan keluarga dengan konsep kendiri pelajar. Ini juga bermakna Hipotesis 2 ditolak.

Hipotesis 3

Terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu bapa - anak dengan konsep kendiri.

Perkaitan komunikasi ibu dan konsep kendiri

Keputusan analisis regresi untuk tujuan menguji hipotesis 3 iaitu perkaitan komunikasi ibu dengan konsep kendiri adalah seperti berikut:

$$\text{Kendiri} = 143.37 + 0.35 \text{ Komunikasi Ibu}$$
$$(2.451) *$$

$$r = 0.0351$$

* Signifikan pada paras keertian 0.05

Hasil kajian mendapati terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu dengan konsep kendiri pelajar. Berdasarkan analisis regresi di atas keputusan ujian menunjukkan nilai $t = 2.451$ dan didapati signifikan. Ini bermakna terdapat perhubungan yang signifikan di antara komunikasi ibu dengan konsep kendiri pelajar.

Perkaitan komunikasi bapa dan konsep kendiri

Keputusan analisis regresi untuk tujuan menguji hipotesis 3 iaitu perkaitan komunikasi bapa dan konsep kendiri adalah seperti berikut:

$$\text{Kendiri} = 142.197 + 0.382 \text{ Komunikasi Bapa}$$

(2.826) *

$r = 0.0487$

* Signifikan pada paras keertian 0.05

Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi bapa dengan konsep kendiri pelajar. Dari analisis regresi di atas, keputusan ujian menunjukkan nilai $t = 2.286$ dan didapati signifikan. Ini bermakna terdapat perhubungan yang signifikan di antara komunikasi bapa dengan konsep kendiri pelajar.

Perkaitan komunikasi ibu bapa dan konsep kendiri

Keputusan analisis regresi untuk tujuan menguji hipotesis 3 iaitu perkaitan komunikasi ibu bapa dengan konsep kendiri adalah seperti berikut:

$$\text{Kendiri} = 134.238 + 0.244 \text{ Komunikasi Ibu Bapa}$$

(2.889) *

$r = 0.534$

* Signifikan pada paras keertian 0.05

Hasil kajian mendapat terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu bapa dengan konsep kendiri responden. Merujuk kepada analisis regresi di atas, keputusan ujian menunjukkan nilai $t = 2.889$ dan didapati mempunyai hubungan yang signifikan. Ini

jelas menunjukkan terdapat perhubungan yang signifikan di antara komunikasi ibu bapa dengan konsep kendiri pelajar.

Merujuk kepada ke tiga-tiga pengujian yang dilakukan iaitu komunikasi ibu, komunikasi bapa dan komunikasi ibu bapa didapati hubungan komunikasi ibu bapa lebih teguh jika dibandingkan dengan komunikasi ibu dan komunikasi bapa. Buktinya nilai t komunikasi ibu bapa lebih tinggi jika dibandingkan dengan nilai t komunikasi ibu dan komunikasi bapa.

Kesimpulannya, Hipotesis 3 ialah terdapat perkaitan secara langsung di antara komunikasi ibu bapa - anak dan konsep kendiri pelajar diterima.

Hipotesis 4

Terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri lelaki dan perempuan.

Jadual 10

Perbezaan Konsep Kendiri Lelaki dan Perempuan

Kendiri	Min		Tahap Signifikan
	Lelaki 1	Perempuan 2	
	169.27	166.94	
			0.197

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dengan konsep kendiri. Berdasarkan kepada ujian Anova di mana nilai f ialah 0.197 iaitu 19.7% yang mana ianya terletak di luar paras keyakinan 95 %. Jika kita mengambil nilai ini bermaksud kita akan melakukan kesilapan jenis pertama. Oleh itu Hipotesis 4 ditolak.

Hipotesis 5

Terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri pelajar berumur 10 - 11 tahun dengan pelajar berumur 12 - 13 tahun.

Jadual 11

Perbezaan Konsep Kendiri Berdasarkan Umur.

Kendiri	Umur		Tahap Signifikan
	10 - 11 tahun 1	12 - 13 tahun 2	
	165.29	170.70	0.003 *

* Signifikan pada paras keertian 0.05

Terdapat perbezaan yang signifikan antara konsep kendiri pelajar yang berumur 10 hingga 11 tahun dengan responden yang berumur 12 hingga 13 tahun. Merujuk kepada Jadual 11, berdasarkan ujian Anova yang memberikan nilai $f = 0.003$ iaitu 3%. Nilai ini adalah bersesuaian dengan paras keyakinan 95% yang telah ditetapkan. Ini bermakna Hipotesis 5 diterima.